

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (45)

3 April 2026
14 Syawal 1447

PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2026

PENUBUHAN JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGESAHAN SIJIL PEMBELAJARAN (JPPSP) SERTA KEPERLUAN KELULUSAN BAGI PROGRAM PEMBELAJARAN FORMAL, NON-FORMAL DAN INFORMAL

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Pengesahan Sijil Pembelajaran (JPPSP) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat Bil. 6 2025/2026 pada 30 Mac 2026.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penubuhan JPPSP adalah selaras dengan kuasa Senat di bawah Seksyen 4 Perkara 4(1)(g) untuk memberikan sijil kepada individu yang mencapai kecekapan dalam bidang ilmu.
- 2.2 Langkah ini diambil bagi menyeragamkan kaedah pengiktirafan pembelajaran dan memantau penggunaan nama serta logo Universiti.
- 2.3 Ia juga bertujuan meningkatkan keterlihatan UTM melalui pengiktirafan pelbagai kategori pembelajaran yang disumbangkan oleh pakar universiti kepada masyarakat dan industri.

3.0 SKOP DAN KATEGORI PEMBELAJARAN

- 3.1 Kelulusan JPPSP adalah **WAJIB** bagi semua bentuk pembelajaran yang dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian, atau hibrid, sama ada dibangunkan oleh pensyarah, pasukan pengajar, atau pusat pengajian (termasuk kerjasama entiti luar). Kategori yang terlibat adalah:
 - i. **Pembelajaran Formal:** Melibatkan Unbundled Micro-credential daripada program akademik yang diakreditasi.
 - ii. **Pembelajaran Non-Formal:** Melibatkan kursus Standalone Micro-credential, kursus rakan kerjasama yang diiktiraf, atau latihan pembangunan professional serta sijil profesional.
 - iii. **Pembelajaran Informal:** Melibatkan pengalaman pembelajaran melalui servis, perkongsian komuniti, atau perkongsian industri.

3.2 Penjelasan bagi semua kategori yang dinyatakan adalah seperti berikut:-

Bentuk Pembelajaran	Definisi	Kategori Pembelajaran	Kaedah Pengiktirafan Pembelajaran di UTM
Pembelajaran formal bentuk <i>Unbundled Micro-credential</i>	<i>An intentional program of study delivered within an organized and structured context that leads to a certification issued in the form of Malaysia Micro-credential Statement.</i>	Kursus daripada program akademik yang telah diakreditasi tetapi ditawarkan dalam bentuk kursus <i>Unbundled Micro-credential</i> .	<i>Malaysia Micro-credential Statement</i>
Pembelajaran non-formal	<i>Learning that takes place alongside the mainstream systems of education and training. It may have been assessed but does not normally lead to formal certification. Minimum hour of a training is 1 hour and equivalent to 3 hours of Student Learning Time.</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Kursus <i>Standalone Micro-credential</i> ii. Kursus ditawarkan oleh rakan kerjasama yang diiktiraf oleh UTM. iii. Latihan pembangunan profesional anjuran UTM 	Sijil Tamat Kursus (<i>Certificate of Completion</i>) dengan Lencana Digital
Pembelajaran informal	<i>Learning that takes place unintentionally through unstructured, experience-based learning arising from daily life, workplace activities, social participation, or community engagement. Minimum hour of a training is 1 hour and equivalent to 3 hours of Student Learning Time.</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengalaman pembelajaran melalui pembelajaran servis. ii. Pengalaman pembelajaran melalui perkongsian bersama komuniti. iii. Pengalaman pembelajaran melalui perkongsian bersama industri. 	Sijil Penyertaan (<i>Certificate of Participation</i>) dengan Lencana Digital

4.0 DOKUMEN PENGIKTIRAFAN YANG DIKELUARKAN

Hanya program yang mendapat kelulusan JPPSP sahaja dibenarkan mengeluarkan dokumen berikut dengan logo Universiti:

- i. Malaysian Micro-credential Statement (MMS).
- ii. Sijil Tamat Kursus (*Certificate of Completion*) dengan Lencana Digital.
- iii. Sijil Penyertaan (*Certificate of Participation*) dengan Lencana Digital.

5.0 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JPPSP

- i. **Penilaian Kualiti:** Menilai reka bentuk dan penyampaian sesi pembelajaran agar selaras dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan.
- ii. **Penyemakan Permohonan:** Menerima dan menyemak permohonan penawaran daripada Fakulti, Jabatan, atau Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- iii. **Pemantauan:** Memantau pelaksanaan sesi pembelajaran dan menjalankan penilaian semula sekiranya terdapat perubahan ketara pada kandungan atau kaedah penawaran.
- iv. **Pelaporan:** Melaporkan hasil penilaian kepada Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik (JKTS KKA) untuk pengesahan Senat Universiti.

6.0 IMPLIKASI DAN TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Semua pihak di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang ingin melaksanakan program pembelajaran perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa ini bagi memastikan kualiti dan keseragaman pengiktirafan.
- 6.2 Semua Fakulti dan PTJ di UTM wajib mematuhi proses kerja baharu ini bagi pengurusan dokumen pengiktirafan pembelajaran.
- 6.3 Satu sistem rekod bersepadu akan digunakan untuk pendaftaran kursus, pembayaran, dan penajaan sijil.
- 6.4 Arahan ini berkuat kuasa mengikut tarikh kelulusan Senat Universiti.


Sekian untuk makluman dan tindakan semua pihak yang berkaitan.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah Eksekutif/ Pengarah